

Persediaan awal bantu kurang kesan banjir

Banjir besar melanda beberapa negeri pada Disember tahun lalu, adalah antara terburuk dalam sejarah negara. Menurut Pengerusi Jawatankuasa Bencana Banjir Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed, setakat Februari 2015, kerugian infrastruktur dan aset awam dianggarkan sebanyak RM200 juta. Ini belum termasuk kerugian dialami orang persendirian dan perniagaan.


Jika sebelum ini kawasan mudah banjir di Kelantan lebih bertumpu di muara Sungai Kelantan seperti Kota Bharu, Tumpat dan Pasir Mas kesan gabungan hujan, air pasang dan mungkin lepasan air dari empangan di selatan Thailand, tetapi tahun lalu adalah lebih menyeluruh dari hulu yang jauh dari laut seperti Gua Musang sehinggalah ke muara.

Malah, kawasan itu mengalami kemusnahan lebih teruk. Kemusnahan di daerah Gua Musang dan Kuala Krai amat dahsyat umpama dilanda tsunami. Rumah yang hancur atau teralih menunjukkan ada satu tenaga yang amat kuat datang dari arus banjir. Rasanya belum pernah berlaku sebelum ini di negara kita rumah teralih atau pecah akibat banjir.

Kebiasaan, banjir sebelum ini adalah air yang bertakung menenggelami sesuatu kawasan untuk beberapa waktu dan kerosakan adalah akibat ditenggelami air banjir.

Pada awal bulan ini, air mula naik di tiga kampung di daerah Perak Tengah. Seramai 168 penduduk ditempatkan di empat pusat pemindahan di dua daerah.

Mengikut data diperolehi daripada Pusat Kajian Kawalan Banjir, Universiti Teknologi MARA,



secara umumnya faktor penyebab banjir besar adalah:

- Jumlah hujan yang banyak kerana kedudukan Malaysia terletak di kawasan beriklim tropika secara lazimnya menerima hujan yang tinggi.

- Air sungai yang tinggi tidak dapat mengalir terus ke laut apabila bertembung dengan air pasang tinggi.

- Saiz lembangan sungai yang besar akan menakung air larian yang banyak apabila hujan lebat.

- Pembangunan yang pesat tidak terkawal dan penebangan pokok tidak terkawal menyebabkan resapan air ke tanah berkurangan dan air larian terus ke sungai dengan cepat.

- Infrastruktur saliran sedia ada tidak mencukupi untuk menampung kawasan yang dibangunkan.

Justeru, rakyat berharap semua pihak memandang serius perkara itu bagi mengelak kejadian buruk seumpamanya ber-

laku tahun ini. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim, turut menyarankan supaya semua agensi dan pasukan yang terbabit dalam pengurusan bencana perlu diarah menyemak semula prosedur operasi standard (SOP) sebagai persediaan menghadapi bencana berskala besar.

Agensi bantuan siap sedia

Di samping itu, terdapat beberapa agensi bantuan bencana sudah membuat langkah siap siaga dengan mengadakan latihan bersama secara lebih kerap bagi meningkatkan keupayaan mekanisme dan logistik.

Berkemungkinan waktu bertindak 10 minit yang ditetapkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) masih kurang memuaskan dari segi pencapaian bagi kawasan berisiko tinggi dan sederhana, iaitu kira-kira 50 peratus berbanding 80 peratus di negara maju.

Rakyat juga perlu sedar bahawa perkara ini turut berlaku lantaran faktor taburan balai dan anggota bomba yang tidak setara dengan keluasan kawasan berisiko yang perlu dilindungi.

Selain itu, tindakan proaktif Agensi Pengurusan Bencana Negara membuka pusat pemindahan banjir lebih awal jika sesebuah kawasan berdepan ancaman bencana banjir harus diberi pujian. Ini antara langkah diambil pada tahun ini, selepas mengambil iktibar daripada kejadian banjir besar melanda beberapa negeri tahun lalu.

Peranan Sukarelawan Bencana Alam (SUKBA) juga harus diperkasa dan ditambah pengambilan ahlinya di negeri yang kerap dilanda banjir. SUKBA adalah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dianggotai kira-kira 1,000 sukarelawan dari kawasan Rantau Panjang dan akan digerakkan ketika menghadapi bencana banjir di kawasan itu.

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bharian.com.my

Langkah awal sebelum banjir
Antara langkah penting yang perlu dilaksanakan sebelum berlakunya musibah banjir:

- Dapatkan maklumat tentang banjir di tempat anda dari media massa.

- Periksa lubang air sama ada longkang atau saluran najis. Bersihkan halangan dan pastikan ia tertutup rapat supaya air banjir tidak melimpah masuk melaluinya.

- Pastikan pusat pemindahan dan pusat bantuan bencana di tempat anda, buat perancangan dan latihan pemindahan kecemasan.

- Letakkan dokumen penting di tempat yang selamat atau bawa bersama dalam bekas kalis air.

- Bersedia untuk menutup suis elektrik, injap utama bekalan air dan gas.

Dalam keadaan yang tidak boleh dielakkan ini, pengetahuan keselamatan dan persediaan awal menghadapi banjir amat berguna. Hal ini dapat menyelamatkan nyawa atau sekurangnya mengawal kerugian yang tinggi.

Dr Nurkhamimi Zainuddin,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama,
Universiti Sains Islam Malaysia.